



KENYATAAN POLISI ANTIRASUAH AADK

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) beriltizam untuk memastikan penerapan standard etika, integriti dan akauntabiliti pada tahap yang tinggi dalam semua aktiviti dan operasi dalam Agensi. Dasar ini digunakan dalam segala perkhidmatan dan urusan yang melibatkan AADK. AADK tidak akan bertoleransi terhadap apa-apa jua bentuk rasuah, sama ada meminta, memberi, menerima, menyalahgunakan kuasa atau bersekongkol dengan mana-mana individu, persatuan, pertubuhan, syarikat atau mana-mana organisasi Kerajaan dan bukan Kerajaan, yang bertindak untuk AADK atau bagi pihaknya. Pelaksanaan pemantauan dan program integriti secara berjadual dan berwibawa mencerminkan AADK gigih untuk memerangi apa jua amalan rasuah dan tatakelakuan yang tidak beretika sepanjang aktiviti dan pengoperasian AADK.

Pengurusan Tertinggi AADK komited untuk melaksana dan menguatkuasakan dasar dan prosedur yang berkesan bagi memantau, mencegah dan menghapuskan rasuah serta memastikan penambahbaikan *standard operating procedure* (SOP) sedia ada. Hal yang demikian, Unit Integriti (UI) telah diberikan kepercayaan penuh dalam urus tadbir integriti dan siasatan terhadap pelanggaran kod etika, polisi, Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK, Arahan Ketua Pengarah AADK dan apa jua peraturan yang dikuat kuasa.

Bagi memperkukuhkan integriti warga AADK dan kepentingan membasmi rasuah, Unit Integriti seharusnya giat merekayasa aktiviti-aktiviti advokasi, outreach dan program-program pengukuhan integriti. Justeru itu, selain dapatan siasatan mengenai pelanggaran tatakelakuan atau jenayah rasuah, pelaporan rekayasa governans, operasi AADK, tatatertib, sumber manusia dan pengurusan, wajar dikemukakan secara terus kepada Pengurusan Tertinggi AADK bagi memperakukan tindakan lanjut yang efektif.

Semua pegawai dan kakitangan, termasuk pihak yang berkepentingan dalam AADK, perlu memahami dan bertanggungjawab mematuhi polisi ini secara total. Umum mengetahui dalam apa jua keadaan, '*Prevention is Better Than Cure*' (pencegahan lebih baik dari mengubati), hal ini, pegawai dan kakitangan perlu memfokuskan usaha dalam memantapkan SOP dan kefahaman melaksanakan SOP tersebut. Ini akan menjadi suatu elemen pencegahan sebelum sesuatu ketirisan atau korup berlaku dan tindakan punitif adalah merupakan jalan terakhir bagi memberikan pengajaran kepada mereka yang cuai atau lalai atau acap kali melakukan pelanggaran tatakelakuan, termasuk perbuatan jenayah.

Sehubungan dengan itu, sebarang pelanggaran tatakelakuan atau salah laku, Pengurusan Tertinggi AADK tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan punitif, tatatertib dan melaporkan kepada Pihak Berkuasa bagi menguatkuasakan perundangan sedia ada. Tuntasnya, semua warga AADK wajar mengatur anjakan paradigma ke arah integriti tertinggi dan perlu berani mengemukakan maklumat penambahbaikan atau aduan bagi sebarang bibit salah laku pegawai dan kakitangan, demi kepentingan organisasi.

YDH. CP DATO' SRI ZULKIFLI BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah

Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia

Kementerian Dalam Negeri

Tarikh : 23 Januari 2020